

NAMA MODUL	PEMBANGUNAN JIWA INSAN (PUJI)		
TAJUK	WUDHUK		
OBJEKTIF PRESTASI TERMINAL	Mengetahui dan beramal dengan pemahaman serta pengamalan yang betul tentang wudhuk. Ia turut diamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian.		
NAMA		NO. K/P	
TUJUAN : Kertas tugas ini adalah untuk pelatih ; 1. Menguji tahap kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang wudhuk. 2. Menguji kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang ciri wudhuk yang betul dan kepentingan memahaminya. ARAHAN : 1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang terkandung dalam Helaian Tugas ini. 2. Baca dengan teliti sebelum menjawab semua soalan berikut.			

1. Rukun wuduk ada enam. Pernyataan yang manakah BUKAN merujuk kepada rukun wuduk ?
 - A. Membaca lafaz "Bismillah"
 - B. Niat wuduk
 - C. Membasuh muka
 - D. Membasuh kaki

2. Berniat ketika mengambil wuduk merupakan satu kewajipan. Bilakah seseorang perlu berniat di dalam hati ketika berwuduk?
- A. Ketika sebelum memulakan membasuh pergelangan tangan
 - B. Ketika berkumur
 - C. Ketika membasuh muka
 - D. Ketika membasuh tangan hingga ke siku
3. Perbuatan berikut dikategorikan sebagai perkara sunat dilakukan ketika berwuduk. Pernyataan yang manakah menunjukkan BUKAN perkara sunat ketika berwuduk?
- A. Membasuh kedua-dua tangan hingga pergelangan
 - B. Berkumur
 - C. Memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya
 - D. Menyapu rambut dengan air
4. Dimanakah had kawasan muka yang perlu dibasuh ketika mengambil wuduk ?
- A. Bulu kening hingga ke dagu
 - B. Pipi kanan hingga ke pipi kiri
 - C. Pertengahan kepala hingga bawah dagu
 - D. Keseluruhan muka bermula anak rambut sehingga bawah dagu, dari pelipis pipi kanan hingga ke pelipis pipi kiri
5. Ahmad telah mengambil wuduk di rumah sebelum pergi ke masjid bermula dari awal sehingga membasuh telinga secara tertib tetapi tidak membasuh kakinya secara sengaja dan membasuhnya kembali setelah tiba di masjid. Apakah yang terjadi pada wuduk Ahmad tadi ?
- A. Harus hukumnya dan sah wuduk Ahmad
 - B. Haram hukumnya dan tidak sah wuduk Ahmad
 - C. Makruh hukumnya dan tidak sah wuduk Ahmad
 - D. Sunat hukumnya dan sah wuduk Ahmad
6. Abu mengambil wuduk setiap anggota sebanyak 3 kali. Apakah hukum perbuatan Abu itu ?
- A. Harus
 - B. Haram
 - C. Wajib
 - D. Sunat

7. Ketika Mukhlis melakukan solat Zohor ada seekor burung telah hinggap dan membuang najis di atas tangan Mukhlis. Apakah yang perlu dilakukan oleh Mukhlis ?
- A. Berhenti solat dan bersihkan najis dan solat kembali dan perlu berwudhuk semula
 - B. Berhenti solat dan bersihkan najis dan solat kembali tanpa perlu berwudhuk
 - C. Tidak perlu berhenti solat dan membiarkan sahaja najis tersebut sehingga selesai solat
 - D. Berhenti solat dan bersihkan najis dan tidak perlu solat kembali
8. Antara berikut yang manakah BUKAN sebab diharuskan bertayammum ?
- A. Ketiadaan air
 - B. Tidak boleh menggunakan air
 - C. Air mencukupi untuk kegunaan makan, minum dan membasuh pakaian
 - D. Air yang ada sekadar untuk minum sahaja